

# Kepimpinan pengetua sebagai peneraju kecemerlangan sekolah

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG

UB 2.8.2017 B4  
PENDIDIKAN di Malaysia berkembang dengan pesat selaras dengan perubahan dunia global. Era teknologi maklumat mendedahkan warga pendidik kepada pelbagai perubahan yang mencabar dalam usaha untuk mencapai matlamat pendidikan negara seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal untuk memberi panduan atau arah tuju untuk menentukan haluan, asas dan inspirasi kepada semua usaha dan perancangan dalam bidang pendidikan.

Oleh itu, untuk menghadapi perubahan dan menyokong usaha ini, organisasi pendidikan memerlukan kepimpinan yang berkesan. Kepimpinan merupakan satu faktor yang dianggap penentu dalam kejayaan sebuah organisasi. Keupayaan pemimpin menjalankan peranan dalam sebuah organisasi menjadi nadi utama untuk menjamin keberkesanannya seterusnya membawa kepada pencapaian objektif visi dan misi organisasi.

Kejayaan organisasi sekolah sangat bergantung kepada kewibawaan pelaksananya. Bagi menyokong kejayaan pelaksanaan, setiap organisasi sekolah sama ada kecil atau besar, pentadbirannya mesti

mempunyai jentera yang mantap. Jentera pentadbiran yang cekap merupakan nadi utama kejayaan dan kemajuan organisasi sekolah. Oleh itu, bagi memastikan jentera pentadbiran itu berjalan dengan baik maka kaki tangan yang menjalankan tugas gandingan mantap antara pemimpin dan orang bawahan perlu wujud. Warga organisasi mestilah mempunyai amalan, etika pentadbiran dan nilai-nilai murni yang menjadi amalan setiap masa.

Sehubungan dengan itu, pengetua bertindak sebagai peneraju utama yang akan mengerakkan tenaga setiap guru, staf dalam mendidik pelajar dengan menggunakan segala sumber, tenaga dan kepakaran yang sedia ada. Ini bersesuaian dengan kajian yang telah dilakukan oleh pakar pendidikan yang mengatakan bahawa pengetua adalah orang yang paling penting dalam membuat dan mengadakan perubahan di sekolah dan seterusnya menjayakan pelaksanaan program untuk memajukan sekolah.

Persekutuan, kemudahan fizikal, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dan pengurusan perhubungan dengan pihak luar adalah menjadi tanggungjawab pengetua sebagai pemimpin di sekolah. Kepimpinan pengetua dalam menjana kecemerlangan sebuah sekolah sebagai peneraju

utama sekolah menjadi penentu kepada kejayaan setiap perancangan dan mengerakkan setiap warga sekolah ke arah pencapaian visi yang seterusnya mewujudkan sebuah sekolah yang cemerlang.

Selain itu juga pengetua haruslah mampu menterjemahkan dasar kerajaan, menerapkan pengurusan organisasi berkesan, menjana visi dan misi sekolah, menggunakan maklumat dan pendekatan terkini, memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat, melaksanakan perubahan dan menjalankan penilaian dan penambahbaikan. Manakala staf pula perlu mengamalkan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan seperti berazam meningkatkan mutu perkhidmatan, berkerja dengan penuh tanggungjawab, berusaha mengikis sikap mementingkan diri, berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan dan berpegang teguh kepada ajaran agama.

Pendekatan islamik juga boleh diterapkan dalam pentadbiran. Semua warga sekolah yang beragama Islam khususnya perlu sentiasa diingatkan agar melaksanakan tugas sebagai satu tanggungjawab dan ibadah serta amanah yang akan dituntut oleh Allah SWT. Mereka juga perlu sering diingatkan supaya bersyukur dengan nikmat yang diberi dan semestinya menunjukkan kesyukuran itu dengan bekerja bersungguh-sungguh, penuh ikhlas dan

sentiasa mengharapkan keredaan Allah SWT.

Pentadbiran secara telus dan tegas perlu sentiasa diterapkan dalam pentadbiran sekolah. Guru dan staf diberikan 'empowerment' untuk melaksanakan tugas agar mereka berupaya membuat keputusan dan berani terutamanya dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik dan ko-kurikulum serta sahsiah dalam kalangan pelajar. Melalui dasar mesra dan terbuka, setiap orang digalakkan memberikan pandangan dan idea untuk memajukan sekolah.

Namun apa yang menjadi masalah yang sering kali dihadapi oleh pengetua adalah melaksanakan perubahan atau kemajuan perubahan di sekolah. Perubahan amat perlu dilakukan di sekolah tetapi terdapat segelintir guru yang sukar atau tidak mahu berubah sama ada dari segi status kelayakan pendidikan mereka mahupun yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran. Maka peranan pengetua amat penting untuk membimbing guru-gurunya supaya perubahan dapat dilakukan untuk kepentingan pelajar khususnya.

Pada dasarnya, matlamat pentadbiran sekolah adalah untuk meningkatkan keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran. Ini secara tidak langsung menyebabkan kepimpinan pengetua menjadi tumpuan kerana salah satu tugas pengetua adalah menerajui

kepimpinan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Pendekatan kepimpinan yang holistik dengan menggunakan pelbagai gaya kepimpinan yang dapat mempengaruhi orang bawahannya supaya bekerja untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Dengan kata lain, pemimpin yang berkesan ialah pemimpin yang berkebolehan menggunakan pelbagai stil kepimpinan mengikut situasi dan keadaan.

Keupayaan pengetua untuk mengurus sumber manusia iaitu guru dan pelajar secara berkesan dan bergerak bersama dapat membantu mencapai matlamat sekolah dengan cepat bersesuaian dengan misi dan visinya. Guru merupakan aset penting kepada sekolah. Dengan memberikan kepercayaan kepada guru akan membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan baik dan dalam masa yang sama akan bersedia memberi sokongan kepada perancangan yang telah disediakan.

Keseluruhananya, dengan kerjasama erat semua pihak kualiti pendidikan di sekolah sudah sememangnya dapat ditingkatkan. Berdasarkan kajian, kejayaan seorang pengetua untuk menjadikan sekolahnya sebagai sekolah cemerlang, bergantung kepada kejayaannya melaksanakan semua peranan mereka dengan cemerlang.

Kejayaan menghasilkan

pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik perlu seiring dengan kesempurnaan akhlak. Modal insan sempurna perlu untuk kecemerlangan negara seperti mana hasrat kementerian melalui falsafah pendidikan yang menyatakan pendidikan di Malaysia bertujuan melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan Intelektual dan sahsiah (JERIS). Semua ini menuntut peranan pengetua sebagai pemimpin untuk mengembangkan seluruh tenaga dengan sokongan semua pihak untuk mencapai hasrat negara ini.

Pengetua adalah nakhoda yang memandu bahtera ke destinasi yang bakal dituju. Kegagalan atau kesilapan nakhoda sudah pasti menyebabkan kapal tidak akan sampai ke destinasi dicita. Malah lebih parah jika berlakunya silap perhitungan yang bakal menyebabkan kapal karam di lautan dengan segala muatan dan penumpangnya. Kesimpulannya kecemerlangan pengetua sebagai pemimpin amat dituntut agar boleh menjadi teladan kepada warga yang dipimpin dan berhasil untuk melahirkan pelajar yang berjaya dalam bidang akademik dan sahsiah diri.

---

\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah